

24/07/2002

Nissan Sentra untuk cabutan bertuah

TAN Chong & Sons (Motor) Co Malaysia Sdn Bhd (Tan Chong) mendermakan sebuah Nissan Sentra 1.5 bagi cabutan bertuah program `One Nation We Care - Sepetang Bersama Perdana Menteri', di Stadium Negara Bukit Jalil, Sabtu ini.

Pengerusi Tan Chong, Datuk Tan Heng Chew, berkata Nissan Sentra 1.5 itu adalah sumbangan syarikat kepada masyarakat sebagai bukti komitmennya menyokong usaha kerajaan mewujudkan semangat bersatu di kalangan rakyat.

"Kami juga akan menggalakkan pekerja Tan Chong menghadiri program berkenaan untuk bertemu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disamping menikmati hiburan yang disediakan," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Acara cabutan bertuah, Raffle Draw itu adalah satu daripada pelbagai kegiatan yang disusun bagi memeriahkan program itu.

Pengunjung akan diberi tiket cabutan bertuah itu apabila mereka menderma minimum RM2 di pintu masuk stadium. Wang yang diperoleh akan didermakan kepada badan amal.

Penaja program itu ialah Persatuan Insurans Hayat Malaysia (Liam), Persatuan Insurans Am Malaysia (Piam) dan Persatuan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Kebangsaan Malaysia (Namlifa) yang berjanji menyumbang RM100,000 kepada Yayasan Aids Malaysia dan Majlis Kanser Negara.